

TARIKH : 28 MEI 2025
AKHBAR : Berita Harian
MUKA SURAT : 25

28/05/2025 : Berita Harian (ms 25) Projek infrastruktur RM164.3b lonjak kerjasama tiga negara

BH Rabu, 28 Mei 2025 Bisnes 25

SIDANG KEMUNCAK ASEAN 26-27 Mei 2025

Projek infrastruktur RM164.3b lonjak kerjasama tiga negara

Transformasi ekonomi serantau beri impak positif pembangunan di kawasan sempadan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Projek infrastruktur fizikal dan kesalinghubungan bernilai AS\$39 bilion (RM164.3 bilion) yang merentasi Malaysia, Thailand dan Indonesia menjadi pemangkin utama memperkukuh kerjasama sub-wilayah dalam menghadapi cabaran global serta memacu transformasi ekonomi serantau.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata transformasi itu meliputi pelbagai bidang tumpuan termasuk kesalinghubungan rentas sempadan, pelancongan, industri halal, agro-industri serta pengukuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di seluruh sub-wilayah berkenaan.

"Malaysia amat menghargai kerjasama Thailand, khususnya Perdana Menteriya (Phuontarn Shinawatra) yang begitu proaktif meluluskan beberapa projek penting di kawasan sempadan seperti di Rantau Panjang dan jambatan ke Sungai Golok.

"Perkembangan ini berjalan lancar dan dijangka memberi impak positif kepada pembangunan di kawasan sempadan bersama," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) Ke-16 sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46, di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli.

Isu perubahan iklim

Anwar berkata, selain aspek pembangunan fizikal, kerjasama IMT-GT turut memberi perhatian terhadap isu perubahan iklim yang semakin memberi kesan besar kepada kehidupan dan sumber pendapatan rakyat di rantau ini.

Pada sesi sama, Perdana Menteri turut merakamkan penghargaan kepada barisan menteri berkaitan yang memainkan peranan penting dalam merangka dan menyelaras perincian agenda persidangan IMT-GT.

Beliau turut menyampaikan ucapan tahniah kepada Masa-to Kanda atas pelantikannya sebagai Presiden Bank Pembangunan Asia (ADB), sambil menyambut baik komitmen beliau dalam memperkukuh sokongan terhadap pembangunan rantau ini.

"Sebagai penutup, pemimpin bersetuju untuk meneruskan penerimaan dan pelaksanaan agenda yang telah dibentangkan," kata Anwar.

Sidang itu turut menyaksikan pembentangan oleh Rafizi, selaku Pengerusi Menteri-Menteri Penandatanganan IMT-GT, mengenai usaha memperkukuh kerjasama sub-wilayah bagi menangani cabaran global secara kolektif dan bersepadu.

Rafizi (tengah) bersama Menteri Koordinator Hal Ehwal Ekonomi Indonesia, Airlangga Hartarto (kiri) dan Timbalan Menteri Kewangan Thailand, Julaporn Amornvivat selepas menandatangani rangka kerjasama mengenai Kastam, Imigresen dan Kuarantin pada Sidang Kemuncak Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) di KLCC, semalam.

(Foto BERNAMA)